



KENYATAAN AKHBAR MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

TELESIDANG BERSAMA KETUA PENGARAH WHO

- Adalah dimaklumkan bahawa satu telesidang telah diadakan petang ini bersama Dr. Tedros Adhanom Ghebreyesus, Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).
- Pada telesidang tersebut, Dr. Tedros memuji kesiapsiagaan dan keupayaan Malaysia dalam menangani jangkitan COVID-19 dan pihak WHO juga memandang tinggi kesihatan awam.
- Pihak WHO mencadangkan agar Malaysia memperkukuhkan aktiviti influenza surveilan dengan menjalankan ujian COVID-19 kepada pesakit *severe acute respiratory infection* (SARI).
 - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan kepada pihak WHO bahawa KKM telah perluaskan surveilan jangkitan salur pernafasan dengan menjalankan ujian COVID-19.
- KKM akan terus bekerjasama dengan WHO dan pihak-pihak yang terlibat.

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

- Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa semua **107 rakyat Malaysia dan ahli keluarga** yang dibawa pulang dari Wuhan, China melalui Misi Bantuan Kemanusiaan pada 4 Februari 2020, akan dibenarkan pulang ke rumah masing-masing setelah menamatkan tempoh pemantauan di Pusat Pengawasan di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).
 - Sampel ulangan bagi mereka telah disahkan negatif.

- Bagaimanapun, salah seorang daripada mereka sedang menerima rawatan di wad bagi isu kesihatan yang dialami beliau.
- Mereka yang dibenarkan pulang hari ini termasuklah **dua (2) kes** yang sebelum ini positif COVID-19 dan dirawat di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban.
 - Kes tersebut adalah Kes ke-11 dan ke-12:
 - Kes ke-11 melibatkan seorang kanak-kanak lelaki warganegara Malaysia berumur 9 tahun.
 - Kes ke-12 merupakan ayah kepada kes ke-11, berumur 45 tahun.
 - Bagi kedua-dua kes ini, mereka telah menerima rawatan di wad dan telah menjalani ujian pengesanan ulangan sebanyak dua kali berturut-turut dan keputusan adalah negatif.
- Pihak KKM ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua agensi yang terlibat dalam menjayakan misi ini.

STATISTIK TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI MALAYSIA

- Sehubungan itu, jumlah kes keseluruhan kes yang telah discaj daripada wad sehingga hari ini adalah sebanyak **sebelas (11) kes**.
- KKM juga ingin memaklumkan bahawa **TIADA** kes baru dilaporkan pada hari ini, 18 Februari 2020.
 - Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes COVID-19 yang dilaporkan sehingga hari ini **KEKAL** sebanyak 22 kes dengan **hanya 11 kes masih dirawat di wad**.
- Daripada keseluruhan 22 kes yang dilaporkan:
 - 12 kes dalam kalangan kes *Patient-Under-Investigation* (PUI)
 - Lapan (8) kes dalam kalangan kontak rapat

- Dua (2) kes dalam kalangan rakyat Malaysia yang dibawa pulang dengan Misi Bantuan Kemanusiaan.
- Daripada jumlah keseluruhan 22 kes itu juga:
 - 15 orang adalah warganegara China
 - Enam (6) orang adalah warganegara Malaysia
 - Seorang (1) adalah warganegara Amerika Syarikat.
- Sehingga 18 Februari 2020:
 - Sebanyak 583 *Patient-Under-Investigation* (PUI) dilaporkan ke CPRC
 - Bagi kontak rapat kepada kes positif, sebanyak 230 kes dikesan adalah negatif dan 13 kes masih menunggu keputusan makmal.

Sekian, terima kasih.

YB DATUK SERI DR. DZULKEFLY AHMAD

Menteri Kesihatan Malaysia

18 Februari 2020